

STATISTIK KERATAN AKHBAR JULAI 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	94,698 LEPASAN SPM GAGAL UPU WAJAR MOHON KURSUS KEMAHIRAN	UTUSAN MALAYSIA MS 29	14/07/2023	KPT
2	BIARPUN DICABAR ATAU DIBAKAR MUKJIZAT AGUNG TERPELIHARA	HARIAN METRO MS 15	15/07/2023	AGAMA
3	CADANG GAJI MINIMUM LEPASAN TVET RM2000	SINAR HARIAN MS 14	17/07/2023	KPT
4	JURUSAN TAK POPULAR PENGARUHI TAWARAN PROGRAM UNIVERSITI	BERITA HARIAN MS 21	17/07/2023	KPT
5	BIAYA LEBIH RENDAH DORONG PELAJAR B40 PILIH TINGKATAN ENAM	BERITA HARIAN MS 12	17/07/2023	SEMASA
6	KEPAKARAN GRADUAN MUDA TEMPATAN PIKAT PELABUR ASING	BERITA HARIAN MS 08	17/07/2023	KPT
7	TIADA HALANGAN PENUNTUT IPT MENGUNDI	SINAR HARIAN MS 8	21/07/2023	KPT

JUMLAH KESELURUHAN : 7

Biaya lebih rendah dorong pelajar B40 pilih Tingkatan Enam

• Kos pendidikan di Tingkatan Enam relatif lebih rendah berbanding program A-Level atau asasi atau diploma, dorong lepasan SPM B40 mengambil STPM

• Pelajar golongan berpendapatan tinggi atau T20 dilihat lebih berminat menyambung pengajian ke kolej atau universiti swasta



Oleh Prof Madya Dr Abdul Halim Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah
Kanan Sekolah
Pendidikan Fakulti
Sains Sosial dan
Kemanusiaan,
Universiti Teknologi
Malaysia

Keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2022 diumumkan baru-baru ini menunjukkan peningkatan catatan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) nasional kepada 2.82 berbanding 2.79 pada 2021.

Peratus calon memperoleh PNGK 4.00 juga dilihat meningkat iaitu 2.84 peratus (1,184 calon) berbanding 874 calon pada 2021. Menariknya, daripada 1,184 calon ini, 1,009 calon adalah kategori B40.

Selain itu, bilangan calon meraih 5A dalam lima mata pelajaran diambil juga bertambah daripada 36 calon pada 2021 kepada 38 calon pada STPM 2022.

Daripada 38 calon terbabit, 26 dalam kategori B40. Bilangan calon memperoleh 4A juga meningkat daripada 860 calon tahun sebelumnya kepada 1,158 calon pada 2022. Seramai 993 daripadanya daripada kategori B40.

Kesimpulannya, bilangan calon memperoleh 5A dan 4A daripada kategori B40 adalah 1,109 orang. Dapatan daripada laporan keputusan STPM 2022 diumumkan Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman dilihat menarik untuk diterokai khususnya berkaitan calon B40 jelas menunjukkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan STPM.

Kategori B40 merujuk golongan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah dari segi pendapatan. Secara umum, keluarga dengan pendapatan bulanan tidak melebihi RM4,850 digolongkan sebagai B40. Golongan ini dilihat menghadapi cabaran ekonomi lebih besar.

Penulis cuba menelusuri kajian terdahulu mengenai STPM didominasi golongan berpendapatan rendah. Namun, sehingga kini belum ada kajian berimpak mengenai isu berkenaan.

Bagaimanapun, terdapat beberapa faktor dikenal pasti mengapa pelajar B40 lebih cenderung menyambung pelajaran ke Tingkatan Enam dan seterusnya menduduki peperiksaan STPM.

Pertama ialah isu kos lebih rendah. Berbanding program pendidikan prauniversiti lain, STPM mempunyai kos relatif lebih rendah. Kos pendidikan dan yuran sekolah berkaitan STPM lebih murah berbanding program A-Level atau asasi.

Pelajar menyambung pengajian ke Tingkatan Enam mungkin memperoleh keputusan kurang memuaskan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Rentetan daripada itu, mereka mempunyai peluang terhad untuk menyambung pengajian ke kolej matrikulasi atau universiti awam mahupun swasta.

Sehubungan itu, STPM dilihat memberi peluang kedua kepada mereka untuk melanjutkan pengajian ke universiti. Di Malaysia, STPM diiktiraf sebagai kelayakan untuk masuk ke universiti. Ini boleh menjadi daya tarikan bagi pelajar B40 melanjutkan pendidikan ke universiti tanpa perlu menghadapi beban kos terlalu tinggi.

Tempoh pengajian di Tingkatan Enam selama satu setengah tahun memberi masa mencukupi kepada calon untuk belajar bagi menduduki

STPM dan seterusnya meningkatkan kelayakan akademik serta bersaing dengan pelajar lain pada peringkat universiti.

Pelajar B40 mungkin tidak mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti tinggi atau kemudahan pendidikan mencukupi pada peringkat pendidikan sebelumnya.

Justeru, STPM menjadi alternatif kepada mereka untuk mendapatkan pendidikan lebih tinggi dan meningkatkan peluang pada masa hadapan.

Selain itu, tidak semua sekolah di Malaysia menyediakan kelas Tingkatan Enam, sebaliknya sekolah menengah terpilih sahaja menawarkan kelas itu di samping kewujudan kolej Tingkatan Enam di seluruh negara.

Bantuan kewangan masuk Tingkatan Enam

Terdapat beberapa program bantuan kewangan disediakan untuk membantu pelajar B40 membiayai pendidikan di Tingkatan Enam. Bantuan ini sedikit sebanyak meringankan beban kewangan dan menjadi motivasi pelajar B40 memilih STPM sebagai pendidikan mereka.

Contohnya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan Bantuan Am Persekolahan bagi membantu pelajar. Bantuan ini khusus untuk pelajar Tingkatan Enam semester 1 pada 2023 mematuhi syarat kelayakan.

Selain itu, faktor tidak ramai lepasan SPM berminat menyambung pengajian ke Tingkatan Enam termasuk mereka tidak mahu lagi terikat dengan peraturan sekolah.

Ketika di Tingkatan Enam, pelajar harus menghadiri sekolah secara penuh dan mengikuti program pengajian intensif. Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyarankan Tingkatan Enam tidak seharusnya terikat dengan peraturan sekolah, diberi sedikit kelonggaran walaupun berada di kawasan persekolahan.

Perdana Menteri turut mencadangkan suasana Tingkatan Enam diubah kerana secara realitinya ia pasca sekolah seperti matrikulasi berikutan sesi persekolahan berakhir pada Tingkatan Lima.

Selain itu, segelintir pelajar mungkin memilih

alternatif lain memerlukan masa lebih singkat untuk menyelesaikan pengajian prauniversiti seperti program asasi atau diploma.

Kecenderungan pemikiran STPM sebagai peperiksaan sukar dan menyeluruh juga mempengaruhi pelajar untuk menyambung pengajian ke Tingkatan Enam.

Mereka sebelum ini sudah terbeban dengan kekerapan menduduki peperiksaan dalam konteks sekolah, mungkin menyebabkan kurang minat mengambil STPM.

Pilih kursus mudah dapat kerja

Selain itu, terdapat banyak pilihan untuk lepasan SPM seperti matrikulasi, diploma, A-Level dan politeknik menekankan kepada kemahiran serta latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk melanjutkan pengajian.

Pelajar mungkin lebih cenderung memilih alternatif dianggap lebih mudah atau memberi jaminan tempat di universiti dan mudah mendapatkan pekerjaan.

Segelintir pelajar juga berpendapat STPM tidak memberikan kelebihan signifikan dalam mencari pekerjaan selepas tamat pengajian.

Mereka mungkin memilih program lebih praktikal atau secara langsung berkaitan dengan bidang pekerjaan diminati seperti program ditawarkan di politeknik atau kolej Komuniti.

Pelajar golongan berpendapatan tinggi juga lebih berminat menyambung pengajian ke kolej atau universiti swasta.

Hakikatnya, peperiksaan STPM mempunyai kelebihan tersendiri berbanding program pengajian lepasan SPM lain. Tambahan pula, Kementerian Pendidikan sedang menyemak semula sukatan mata pelajaran Tingkatan Enam yang dijangka selesai pada 2025.

Ia dilihat sangat relevan supaya seiring dengan perkembangan semasa bagi memenuhi keperluan negara. Semakan semula itu juga bertujuan STPM selaras dengan A-Level dikendalikan Cambridge Assessment International Education (CAIE), United Kingdom.



Cadang gaji minimum lepasan TVET RM2,000

17/7/23 ms 14 ringgit

KKDW mahu pastikan
tenaga kerja kompeten
seiring Revolusi
Industri 4.0

KEPALA BATAS

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berhasrat menaikkan gaji minimum lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) daripada RM1,500 kepada RM2,000.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, TVET bukan sahaja mengajar subjek

konvensional, malah harus memastikan tenaga kerja yang kompeten seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

"Apa yang saya lakukan ialah transformasi... untuk kita bergerak mengorak langkah baharu ke arah IR 4.0. Kerajaan komited untuk tingkatkan TVET.

"Insya-ALLAH, satu dasar baharu oleh Menteri Pendidikan (Fadhlin Sidek) dengan kerjasama Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin), kerjasama 10 lagi kementerian untuk kita rombak dan kita akan menjadi negara maju, insya-ALLAH, di bawah pimpinan Perdana Menteri Kerajaan Madani," katanya selepas sesi bual bicara komuniti TVET di Ekspo TVET@



AHMAD ZAHID

KKDW 2023 bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pada Ahad.

Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, sebanyak 92.5 peratus lepasan TVET berjaya mendapat pekerjaan.

Terdahulu, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan syarikat Ni Hsin EV Tech Sdn Bhd memeterai memorandum persefahaman

bagi menjalin kerjasama strategik untuk meningkatkan aspek usahawanan serta penguasaan teknikal yang menjurus kepada bidang teknousahawan, kajian serta latihan teknikal industri berimpak tinggi dalam bidang kenderaan elektrik (EV) dan litium bateri bagi lepasan universiti itu. - Bernama

Pendidikan

Isnin,
17 Julai 2023

bhpendidikan@bh.com.my

Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Jurusan tak popular pengaruhi tawaran program universiti

Peluang pekerjaan, situasi semasa antara punca pelbagai program digugurkan

Oleh **Muhamad Lokman Khairi**
bhpendidikan@bh.com.my

Faktor populariti dan peluang pekerjaan menjadi sandaran utama kepada universiti dalam menawarkan sesuatu jurusan pengajian. Selain itu faktor kepentingan dan kesesuaiannya dengan situasi semasa juga turut diambil kira.

Hal ini bukan hanya diguna pakai terhadap jurusan yang bakal ditawarkan tetapi juga kepada bidang pengajian sedia ada.

Bukan perkara baharu apabila banyak universiti menggugurkan pelbagai program pengajian atas faktor berkenaan.

Bagaimanapun, sebelum sesuatu program itu digugurkan ia akan terlebih dahulu melalui proses penjumudan.

Pengarah Komunikasi Korporat Universiti Malaya (UM), Profesor Madya Dr Nahrizul Adib Kadri, saban tahun semakan terhadap setiap program yang ditawarkan akan dibuat berdasarkan pelbagai kriteria.

Justeru, hasil semakan, perbincangan dan sebagainya pada Julai tahun lalu, UM mengemukakan pemansuhan 20 program memabatkan pelbagai peringkat pengajian atas faktor berkenaan selain keperluan penawaran program baharu.

"Setiap istilah yang diguna pakai seperti mansuh, jumud dan hentikan program mempunyai maksudnya yang tertentu dalam pengurusan program akademik.

"Proses pemusnahan sesebuah program dibuat dengan teliti dan fasa itu disebut sebagai jumudkan program. Dalam fasa ini, pengambilan pelajar baharu akan dihentikan.

"Antara faktor mengapa program itu dijumudkan kerana jumlah permohonan pelajar yang sedikit, bagaimana sesebuah program itu mampu dikekalkan jika hanya 10 orang membuat permohonan?" katanya.

Tegas Nahrizul Adib, program sebegini dianggap sudah tidak berdaya saing dan merugikan universiti, jadi ia perlu diju-



Terdapat beberapa subjek yang perlu dikekalkan bagi setiap jurusan dan wajib dipelajari meskipun ia tidak mempunyai nilai kebolehpasaran.

mudkan sementara.

Bagaimanapun tegas beliau, andai kata pada masa akan datang, pasaran kerja berubah, program berkenaan akan dibuka semula. Menjumudkan program katanya, adalah perkara biasa yang dilakukan pengurusan akademik universiti setiap tahun.

Relevan tuntutan semasa

Tambahnya lagi biarpun sesebuah program itu dijumudkan, ia bukanlah bermaksud mereka yang masih menuntut dalam jurusan berkenaan tidak mempunyai peluang kerjaya.

Sebaliknya, tegas Nahrizul Adib, silibus pengajian masa kini dilengkapi dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang relevan dengan tuntutan semasa.

Ia termasuklah kemahiran memimpin, mencari maklumat, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan yang akan membantu mereka bekerja di mana-mana bidang pekerjaan selepas tamat belajar.

Terdahulu atas faktor keperluan semasa dan kebolehpasaran banyak program yang ditawarkan di universiti awam (UA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dimansuhkan atau dihentikan.

Selain UM, Universiti Utara Malaysia (UUM) turut melaksanakan tindakan sama.

Antara program yang dihentikan adalah Diploma Siswazah Sains Koreksional; Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan) dan Diploma Siswa-

zah Dalam Pendidikan.

Hujung tahun lalu juga, UM dan empat universiti awam (UA) turut menghentikan penawaran 55 kursus berkaitan kejuruteraan atas faktor yang sama.

Empat UA itu termasuklah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Pemberhentian kursus yang sama turut dilakukan tujuh IPTS.

Bagaimanapun tegas Nahrizul Adib, terdapat beberapa subjek yang perlu dikekalkan meskipun ia tidak mempunyai nilai kebolehpasaran. Subjek sebegini umumnya dijadikan mata pelajaran wajib dan mesti dipelajari setiap pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka.

Antaranya adalah mata pelajaran Bahasa Melayu, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), hubungan etnik dan falsafah.

"Subjek sebegini penting untuk terus dikekalkan kerana ia mengajarkan nilai kemanusiaan kepada penuntut.

"Ilmu sebegini tidak dapat diperolehi daripada subjek teras program mereka. Jadi, pihak industri harus berterima kasih kepada universiti kerana mereka akan dapat tenaga kerja yang faham mengenai peranannya kepada pembangunan negara selain memahami nilai-nilai kenegaraan," katanya.

Tegasnya tidak timbul isu subjek begini membebaskan atau melewati tempoh graduasi pe-

lajar malah syarikat atau pihak industri tidak perlu khuatir dengan hal sedemikian.

"Pandangan meremehkan subjek sebegini wujud kerana sesetengah pihak tidak memahami kepentingannya. Sedangkan ia amat penting dalam pembentukan kemenjadian pelajar malah sebenarnya meningkatkan kebolehpasaran pelajar itu sendiri," katanya.

Penjenamaan semula

Sementara itu Naib Canselor, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Profesor Datuk Dr Zaliman Sauli, berkata universiti itu juga tidak terlepas daripada langkah penjumudan. Ia umumnya dibuat berdasarkan rekod permohonan pelajar.

Katanya, program yang tidak popular dalam kalangan pelajar berhadapan risiko penjumudan.

"Bagaimanapun sebelum langkah itu dibuat, perancangan strategik dan teliti perlu dibuat.

"Ia adalah langkah awal untuk memastikan ada peningkatan bilangan permohonan.

"Jadi kami membuat langkah penandaarasan, penjenamaan semula program pengajian, kajian pasaran dan semakan semula program akademik bagi memastikan ia kekal relevan dan berdaya saing," katanya.

Seiring itu juga, katanya laporan daripada pemeriksa luar turut diambil kira secara komprehensif bagi memastikan kualiti program adalah kompetitif.

Malah maklumat daripada

Proses pemusnahan sesebuah program dibuat dengan teliti dan fasa itu disebut sebagai jumudkan program. Dalam fasa ini, pengambilan pelajar baharu akan dihentikan

Nahrizul
Adib Kadri,
Pengarah
Komunikasi
Korporat UM



Kami membuat langkah penandaarasan, penjenamaan semula program pengajian, kajian pasaran dan semakan semula program akademik bagi memastikan ia kekal relevan dan berdaya saing

Zaliman Sauli,
Naib Canselor
UniMAP



kajian pengesanan graduan juga diambil kira bagi melihat sejauh mana pencapaian sesebuah program itu.

Katanya, usaha sebegini ada kala berbaloi kerana berlaku peningkatan jumlah penuntut baharu.

Untuk rekod, pada 2020 Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC) mengumumkan pengurangan 55 program kejuruteraan memabatkan lima UA dan tujuh IPTS dengan UniMAP adalah antaranya.

Langkah dibuat EAC adalah susulan daripada tindakan penjumudan tujuh program oleh pihak pengurusan akademik UniMAP.

Kepakaran graduan muda tempatan pikat pelabur asing

Isnin 17/7/2023 Me 9

Kerajaan mahu peruntukkan RM6.8b setahun, perkasa TVET bagi tingkat kemahiran

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kepala Batas: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, graduan anak muda tempatan mempunyai kepakaran yang menarik minat pelabur syarikat berteknologi tinggi bertapak di Malaysia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, masih ada perkara perlu ditingkatkan dalam memberi keyakinan kepada pelabur, khususnya penguasaan dalam bidang kemahiran.

Dalam pertemuan dengan beberapa pelabur, termasuk rundingan maya bersama jutawan Elon Musk yang juga peneraju kenderaan elektrik Tesla, Anwar berkata antara maklum balas diterima ialah graduan Malaysia mempunyai kepakaran, termasuk mahir menguasai pelbagai bahasa.

Ramai pelabur mengatakan anak kita (graduan tempatan) mempunyai kepakaran dan kelayakan begitu handal, berdisiplin dan menguasai pelbagai bahasa yang menjadi satu kekuatan.

"Meraka (pelabur) kata dalam pengalaman di puluhan negara dalam dunia, mereka bangga dengan disiplin kejuruteraan teknologi anak Malaysia.

"Baik dari Geely (syarikat dari China yang melabur dalam PROTON), Asamco (syarikat minyak

dari Arab Saudi) dan terbaru Tesla (pembuat kenderaan elektrik) yang bercadang buka ibu pejabat di Cyberjaya.

"Meraka akui kepakaran anak-anak kita tetapi ada yang perlu ditingkatkan lagi iaitu kemahiran," katanya berucap pada Program Sentuhan Kasih, Desa-Sesi Bual Bicara Komuniti TVET di Bertam Square di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Yakin minat meningkat

Sehubungan itu, Anwar berkata, kerajaan berhasrat memperkasakan Institusi Pendidikan Latihan dan Vokasional (TVET) dengan memperuntukkan RM6.8 bilion setahun.

Perkasannya TVET bukan bidang kelas kedua seperti yang difikir-

kan sesetengah orang, malah hampir 93 peratus lepasan bidang kemahiran memperoleh pekerjaan dengan gaji RM2,000 sebulan.

"Kalau kita mulakan usaha mempertingkatkan dan memperkasakan jurusan TVET, termasuk meningkatkan gaji yang sepatutnya diterima, saya yakin minat generasi muda kepada TVET dengan sendirinya akan meningkat.

"Perlu ada beberapa perubahan dalam Kementerian terbabit yang perlu menerima kenyataan cara dan kaedah lama harus diubah suai supaya latihan TVET memenuhi keperluan industri.

"Pensyarah di institusi TVET turut berperanan penting untuk meningkatkan mutu dan latihan akhir jurusan TVET," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyasarkan lulusan TVET mampu menerima gaji antara RM2,500 hingga RM3,000 sebulan

supaya ia menjadi pendorong lebih ramai anak muda memiliki kemahiran industri.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata pihaknya berhasrat untuk menaikkan gaji minimum lepasan TVET daripada RM1,500 kepada RM2,000.

Beliau berkata, TVET bukan sahaja mengajar subjek konvensional, malah harus memastikan tenaga kerja yang kompeten seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

"Apa yang saya lakukan ialah transformasi untuk kita bergerak mengorak langkah baharu ke arah IR4.0. Kerajaan komited untuk tingkatkan TVET.

"Insya Allah, satu dasar baharu oleh Menteri Pendidikan dengan kerjasama Menteri Pendidikan Tinggi membabitkan kerjasama 10 lagi kementerian untuk kita rombak (dasar TVET)," katanya.

94,698 lepasan SPM gagal UPU wajar mohon kursus kemahiran

Oleh NUR SABRINA MOHD. ROZI
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Seramai 94,698 calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang gagal permohonan menerusi Unit Pusat Universiti (UPU) wajar menyertai kolej-kolej komuniti atau pusat kemahiran yang menawarkan program-program vokasional, teknikal atau Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, menurut Presiden

Gabungan Belajar Melayu Semenanjung, (GPMS) Muhiy Faizreen Ismail berkata, bagi pelajar lepasan SPM yang tidak berjaya dalam permohonan UPU, terdapat beberapa langkah dan cadangan yang mereka boleh pertimbangkan.

"Antaranya mereka membuat rayuan ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) apabila permohonan rayuan dibuka kelak. Pihak GPMS boleh bantu dari segi surat sokongan rayuan ke IPTA dengan bersyarat."

Pelajar juga boleh memper-

timbang untuk permohonan melanjutkan pengajian ke luar negara dan institut pengajian tinggi awam (IPTA) jika mempunyai sumber kewangan yang menenkupi dan stabil," katanya ketika dihubungi. Beliau berkata, lepasan SPM boleh mengambil inisiatif lain seperti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), A-Level atau kursus tambahan untuk meningkatkan kelayakan akademik mereka.

Kemarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, sejumlah 239,609 permohonan kemasukan ke IPT

diterima bagi lepasan SPM 2022 iaitu meningkat sebanyak 2,448 berbanding 237,161 pada sesi akademik lalu.

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi memaklumkan, daripada jumlah itu, seramai 144,911 calon ditawarkan tempat bagi melanjutkan pengajian dengan kadar kejayaan sebanyak 60.9 peratus.

Sementara itu, GPMS mencadangkan pelajar untuk memilih beberapa bidang pengajian yang utamanya diperlukan dalam be-

berapa sektor pekerjaan mengikut keperluan semasa dan akan datang.


"Bidang pengajian yang relevan mengikut keperluan semasa antaranya adalah Sains dan Teknologi, Perdagangan Borong dan Peruncitan, Perniagaan dan Pengurusan dan bidang Pendidikan.

"Mereka juga boleh cuba dalam bidang kesihatan dan perubatan, sains sosial dan kemanusiaan, pengangkutan dan penyimpanan, pembuatan dan pelancongan," katanya.

BIARPUN DICABAR ATAU DIBAKAR

MUKJIZAT AGUNG TERPELIHARA

Datuk Mohd Ajib Ismail



JADIKAN al-Quran sebagai panduan hidup

tertarik hati kepada ajaran Islam setelah membaca pelbagai kisah dan mukjizat Nabi yang diceritakan dalam al-Quran.

Beberapa siri tindakan provokasi membakar al-Quran di Sweden termasuk yang terkini dilakukan ketika umat Islam menyambut ketibaan Aidiladha amat wajar menerima bantahan dan kecaman masyarakat di seluruh dunia. Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) juga mengumumkan bakal mengadakan mesyuarat tergeper bagi membincangkan tindakan yang akan diambil terhadap perlakuan membakar kitab suci al-Quran serta menyatakan pendirian menolak perbuatan keji tersebut. Kerajaan Malaysia pula konsisten secara tegas menyuarakan bantahan dan mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan tersebut melalui Kementerian Luar dan Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama.

Perdana Menteri Malaysia juga mencetuskan idea percetakan sejuta naskhah al-Quran untuk melawan naratif pelampau yang bertindak membakar al-Quran. Ihktiar itu disifatkan sebagai kaedah yang paling berfaedah sebagai tindak balas kepada kebiadapan yang dilakukan terhadap kitab suci al-Quran disusuli dengan beberapa program penghayatan dan pemahaman al-Quran. Susulan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Yayasan Restu dan Yayasan Waqaf Malaysia bekerjasama menggerakkan Kempen Solidariti Wakaf Sejuta al-Quran dengan sasaran untuk mencetak sejuta al-Quran dalam pelbagai bahasa seterusnya diedarkan ke seluruh dunia. Orang ramai bolehlah merebut ganjaran pahala dengan mewakafkan tunai sebanyak RM38 bagi senaskhah al-Quran melalui Yayasan Waqaf Malaysia bagi bersama-sama menjayakan agenda tersebut. Usaha berkenaan adalah langkah progresif untuk meningkatkan perasaan saling memahami dan menghormati, memupuk budaya toleransi agama serta keharmonian dalam kalangan masyarakat selaras dengan Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al-Falah) yang menggalakkan dialog peradaban ke arah mengukuhkan perpaduan ummah.

Hakikatnya Allah SWT telah berjanji untuk memelihara al-Quran dari sebarang ancaman dan penyelewengan di sepanjang zaman sebagaimana firmanNya dalam **surah al-Hijr ayat 9** yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan al-Quran, dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya."

Penulis Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)

A

Sehingga kini, al-Quran kekal sebagai mukjizat yang memberikan pencerahan kepada umat manusia. Isi kandungannya menjadi panduan dan pedoman dalam segenap aspek kehidupan

al-Quran adalah sebuah kitab suci mengandungi wahyu daripada Allah SWT yang tidak perlu diragui kebenarannya sebagaimana firman Allah dalam **surah al-Baqarah ayat 2**, bermaksud: "Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa". Berdasarkan ayat tersebut, para ulama tafsir menjelaskan bahawa al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT sama sekali tidak mengandungi keraguan, dan menjadi petunjuk yang berguna hanya bagi orang yang bertakwa iaitu golongan yang takut melakukan perbuatan yang ditegah oleh Allah serta taat melaksanakan kewajipan yang diperintahkan. Beriman kepada kitab-kitab Allah juga adalah salah satu dari rukun iman yang enam sepertimana firman Allah SWT dalam **surah An-Nisa' ayat 136** yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkan lah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad SAW) dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah dan malaikat-Nya, dan kitabNya, dan RasulNya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh."

Kebenaran al-Quran tidak hanya diyakini oleh kaum Muslimin, tetapi turut diakui oleh sebahagian orang kafir. Menurut catatan sejarah, Walid bin al-Mughirah iaitu seorang tokoh pembesar kafir Quraisy pada awalnya secara jujur mengakui, bahawa al-Quran bukanlah sebuah syair atau rekaan Nabi Muhammad SAW. Beliau juga mengagumi keindahan bait-bait dan keunggulan maksud ayat-ayat suci al-Quran namun akhirnya menuduh al-Quran sebagai perbuatan sihir akibat keangkuhan dan kesombongan kerana merasa terpinggir apabila wahyu al-Quran diturunkan kepada Rasulullah SAW. Perkara itu dirakamkan melalui firman Allah SWT dalam **surah al-Muddaththir ayat 18-25** yang

bermaksud: "Kerana sesungguhnya ia telah memikirkan dan mereka-reka berbagai tuduhan terhadap al-Quran."

Maka binasalah dia hendaknya! Bagaimanakah dia berani mereka-reka (yang demikian)? Sekali lagi: binasalah dia hendaknya! Bagaimana ia berani mereka-reka (tuduhan-tuduhan itu)? Kemudian ia merenung dan memikirkan (berkali-kali: jalan-jalan mencaci al-Quran, tetapi ia gagal); Setelah itu ia memasamkan mukanya serta ia bertambah masam berkerut; Kemudian ia berpaling (dari kebenaran) dan berlaku sombong angkuh serta ia berkata: "(Al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang dituntut serta dipelajari (dari ahli-ahlinya); Ini tidak lain hanyalah kata-kata (rekaan) manusia!"

Penolakan terhadap kebenaran wahyu al-Quran berlaku sejak zaman awal kemunculan dakwah Islam. Situasi itu diceritakan dalam **surah Yunus ayat 38** yang bermaksud: "(Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: 'Dia lah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Quran menurut rekaannya'. Katakanlah (wahai Muhammad): 'Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!'. Sebaliknya Allah SWT sendiri mencabar golongan yang menolak kebenaran al-Quran supaya membawakan hujah yang lebih baik sepertimana Firman-Nya dalam **surah al-Baqarah ayat 23** yang bermaksud: 'Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan

datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar."

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada penolakan al-Quran seperti sifat jahil, sombong dan angkuh. Perkara berkenaan dijelaskan dalam **surah al-Ghafir ayat 35** yang bermaksud: "(Iaitu) orang-orang yang membantah mengenai maksud ayat-ayat Allah dengan tidak ada sebarang bukti yang sampai kepada mereka (dari pihak yang diakui benarnya). (Bantahan yang demikian) besar kebenciannya dan kemurkaannya di sisi hukum Allah dan di sisi bawahan orang-orang yang beriman. Demikianlah Allah meteraikan atas hati tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi bermaharajalela pencerobohnya!"

Namun, sehingga kini, al-Quran kekal sebagai mukjizat yang memberikan pencerahan kepada umat manusia. Isi kandungannya menjadi panduan dan pedoman dalam segenap aspek kehidupan. Bahkan keindahan al-Quran menjadi asbab golongan bukan Islam terpaut hati dengan ajaran Islam. Bukan sedikit peristiwa orang bukan Islam menerima ajaran Islam akibat terkesan dengan keindahan alunan bacaan dan makna yang tersirat di dalam ayat-ayat suci al-Quran. Sebagai contoh, kisah bekas paderi yang bernama Samuel Shropshire dari Amerika Syarikat yang menarik perhatian masyarakat apabila dikatakan mendapat hidayah kerana pekerjaannya sebagai penterjemah al-Quran dalam bahasa Inggeris di Arab Saudi. Disebabkan tugas yang memerlukan beliau membaca al-Quran berulang kali, beliau pada awalnya langsung tidak tahu apa-apa tentang Islam akhirnya



Tiada halangan penuntut IPT mengundi

Jummat 21 Julai 2023 ms 8

Hanya dua universiti sedang dalam peperiksaan tetapi tidak diadakan pada tarikh PRN

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR
HULU TERENGGANU

Tiada universiti tempatan terlibat peperiksaan semasa tarikh pengundian pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos ini, berikutan kebanyakannya sudah selesai menjalaninya pada tempoh berkenaan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, hanya dua universiti yang masih menghadapi peperiksaan, bagaimanapun tidak diadakan pada tarikh pengundian tersebut.

"Pada hari mengundi, kebanyakan universiti sudah habis peperiksaan. Jadi memang sedang cuti. Hanya dua universiti yang ada peperiksaan tapi tidak diadakan pada hari Sabtu (12 Ogos).

"PRN hanya di enam negeri, manakala tujuh lagi negeri tak ada pilihan raya. Jadi ramai pelajar memberi pandangan peperiksaan perlu diteruskan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional Parlimen Hulu Terengganu di Plaza Rahmat OKB,



Mohamed Khaled ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya BN Parlimen Hulu Terengganu di Plaza Rahmat OKB, Kuala Berang pada Rabu malam.

Kuala Berang pada Rabu malam.

Pada 5 Julai lepas, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memutuskan bahawa PRN di Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan dijalankan serentak dengan 12 Ogos sebagai tarikh pengundian.

Sebelum ini, media melaporkan, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) antara universiti yang terkesan dengan penetapan tarikh pengundian pada 12 Ogos oleh SPR bagi enam PRN berkenaan.

UUM memulakan peperiksaan bermula hujung Julai sehingga pertengahan Ogos nanti, manakala UMP mengadakan

pengambilan baharu bagi pengajian diploma ketika PRN berlangsung.

Mohamed Khaled berkata, kebanyakan pelajar berada di kampung halaman masing-masing pada masa ini berikutan menghabiskan peperiksaan dan sedang menjalani cuti semester.

Sementara itu, beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata, senarai nama calon BN yang akan bertanding pada PRN akan diumumkan serentak dengan calon Pilihan Raya Kecil Terengganu, Jumaat.

"Agihan kerusi Pakatan Harapan-BN, kalau ada pun saat-saat akhir ini ada satu hingga dua kerusi (belum selesai). Lagi 95 peratus sudah selesai," ulasnya.